

Kenaikan berdasarkan prestasi

Skim gaji baru

kakitangan awam

Oleh **WANHAMIDIHAMID** dan **AZHAR ABU SAMAH**

KUALA LUMPUR: Kira-kira 880,000 kakitangan awam akan menerima kenaikan gaji asas di antara lapan dan 10 peratus mengikut skim tangga gaji baru yang dikenali sebagai Jadual Gaji Matrik (MSS), mulai 1 Januari tahun depan.

Di samping itu, kakitangan awam juga akan menerima kenaikan gaji lapan peratus berkuatkuasa 1 Januari 1989 hingga 31 Disember 1991 yang dikira berdasarkan gaji pokok masing-masing, termasuk kenaikan gaji sementara sebanyak lima peratus yang dibayar mulai 1 Januari lalu.

Mengumumkan demikian di sini semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata pembayaran tunggakan bagi tempoh tiga tahun itu membabitkan perbelanjaan \$1,780.12 juta, manakala kos tambahan untuk tahun pertama bagi melaksanakan sistem gaji baru itu dianggarkan \$1,120 juta.

Beliau berkata, ini adalah pembayaran terbesar yang dibuat oleh kerajaan dalam pelarasan gaji kakitangan kerajaan.

"Bagi mengurangkan kesan kepada keadaan inflasi akibat pembayaran tunggakan itu, pembayaran akan dibuat melalui beberapa cara sesuai, termasuk dalam bentuk bon, Sijil Simpanan Bank Simpanan Nasional (BSN) atau bayaran terus Secara Berperingkat," katanya dalam sidang akhbar di Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini.

Bagi tunggakan pendahuluan lapan peratus untuk tempoh tiga tahun ini, Perdana Menteri, berkata kakitangan yang mendapat tunggakan kurang \$1,000 akan dibayar tunai, manakala anggota yang menerima lebih \$1,000 akan dibayar secara berperingkat melalui caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang boleh dikeluarkan mengikut syarat tertentu, mulai Jun tahun depan.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Gaji Sektor Awam, berkata mulai 1 Januari depan, semua 574 skim perkhidmatan yang wujud dalam sektor awam sekarang akan turut digolongkan menjadi 19 Klasifikasi Perkhidmatan yang diletakkan dalam tiga kumpulan -- Pengurusan Tertinggi; Pengurusan dan Profesional; dan Kumpulan Sokongan bagi menggantikan kumpulan gaji A, B, C dan D.

Setiap Klasifikasi Perkhidmatan diperuntukkan tangga gaji baru yang dikenali Jadual Gaji Matrik (MSS) dengan pergerakan gaji tahunan berdasarkan prestasi pekerja.

Pembahagian baru itu akan memberi pengiktirafan sewajarnya kepada tahap pengalaman, bakat dan kemahiran selain kelulusan akademik yang disyaratkan, katanya.

Menurut Perdana Menteri, berpandukan prinsip merit yang memberi pengiktirafan utama kepada prestasi anggota, pergerakan gaji tahunan akan dibuat berdasarkan perbezaan prestasi, iaitu Cemerlang, Baik, Memuaskan atau Tidak Memuaskan.

Rombakan itu juga memperkenalkan Sistem Saraan Baru (SSB) yang bercirikan fleksibiliti serta pelbagai insentif yang berdasarkan mutu kerja dan produktiviti.

Perdana Menteri berkata, sistem baru itu agak radikal berbanding sistem sekarang kerana ia berdasarkan fleksibiliti.

Katanya, pembaharuan dalam SSB adalah lebih kepada unsur pengasingan daripada

■ UHAT JUGA MUKA 2
■ KENYATAAN PENUH MUKA 10

ELAUN DAN KEMUDAHAN

- Elaun Lebih Masa yang sekarang hanya diperuntukkan kepada anggota tertentu Kumpulan C dan D, akan dipanjangkan kepada semua anggota dalam Kumpulan Sokongan (sekarang bersamaan Kumpulan B, C dan D).
- Bayaran insentif Perkhidmatan Kritikal (termasuk doktor, jururawat, guru yang mengajar mata pelajaran kemahiran, mengajar ketukangan, penjaga jentera elektrik, tukang K1 dan K2)
- Kemudahan cuti untuk suami menjaga anak (3 hari)
- Cuti isteri bersalin.
- Kemudahan pinjaman membeli komputer peribadi.
- Pemanjangan kemudahan perubatan untuk ibu bapa yang sah.
- Perbelanjaan pengurusan jenazah bagi anggota yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan.
- Membenarkan anggota yang sudah dibersarakan atas sebab kesihatan diambil semula bekerja setelah disahkan sembuh sepenuhnya.
- Pengurangan tempoh bagi anggota diberi taraf berpencen daripada 10 tahun kepada tiga tahun.
- Fleksibiliti dalam perlantikan bagi calon yang mempunyai bakat atau kemahiran untuk dilantik ke jawatan tertentu, seperti pemuzik dan penari dengan diberi nilai yang sama tanpa memerlukan kelulusan akademik.
- Kakitangan awam boleh menuntut sebarang bayaran meletak kenderaan ketika bertugas di luar kawasan pejabat.

Keseragaman berteraskan prinsip merit

RM 1.3 OCT 1991
DARI MUKA 1

keseragaman dengan berteraskan prinsip merit yang menekankan pencapaian prestasi individu dan fungsi perkhidmatannya.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, skim perkhidmatan yang wujud sekarang dibentuk semula dengan memperkemas dan mengurangkan bilangannya serta peringkat hirarki atau gred yang difikirkan perlu bagi melicinkan fungsi pengurusan serta mengemaskinikan strukturnya.

Beliau berkata, konsep Perkhidmatan Kritikal turut diperkenalkan untuk mengenal pasti perkhidmatan penting dan kritikal berdasarkan ciri tertentu.

"Bayaran insentif akan disediakan sebagai galakan untuk menarik dan mengekalkan anggota perkhidmatan berkenaan. Rasionalnya ialah mengatasi masalah kakitangan, termasuk doktor yang meninggalkan perkhidmatan untuk ke sektor swasta," katanya.

Perkhidmatan kritikal yang dikenal pasti setakat ini ialah Doktor, Pengajar Ketukangan, Penjaga Jentera Elektrik, Jururawat, Tukang K1 dan Tukang K2. Kadar yang ditetapkan

bagi bayaran insentif itu ialah 10 peratus bagi Kumpulan Sokongan dan lima peratus bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan juga mewujudkan jawatan utama dan gred khas di peringkat pengurusan tertinggi dalam perkhidmatan tertentu dengan disediakan struktur saraan berasingan yang bertujuan memberi perhatian khusus kepada usaha mewujudkan golongan pemimpin pengurusan yang cekap, berwibawa, inovatif dan kreatif.

Menurutnya, badan berkanun yang menjalankan fungsi komersil pula diasingkan daripada pengurusan dan sumber kewangan SSB supaya agensi terbabit lebih, Cekap dan responsif kepada pelanggan dan perubahan dasar.

Lima badan berkanun yang dikenal pasti untuk diasingkan pentadbiran saraan masing-masing ialah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Bank Simpanan Nasional (BSN), Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).